



TEKS UCAPAN MENTERI KERJA RAYA

YB TUAN BARU BIAN

**MAJLIS PEMBUKAAN JAJARAN TELOK MELANO – SEMATAN
PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK**

**26 JANUARI 2019 (SABTU)
TELOK MELANO, SARAWAK**

SALUTATION

Selamat Sejahtera dan Selamat Tengahari

1. Pertamanya saya amat berbesar hati kerana pada hari yang cukup bersejarah ini kita dapat berkumpul bersama-sama dan menyaksikan detik yang sangat bermakna khususnya bagi kita urang Sarawak kerana kita bakal menyaksikan Pembukaan Jajaran Telok Melano – Sematan, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Sesungguhnya pembukaan jajaran Telok Melano-Sematan menzahirkan komitmen tidak berbelah bagi pihak kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan pembangunan infra yang seimbang di semua negeri di Malaysia. Kerajaan baru akan meneruskan kelangsungan projek yang dekat dengan rakyat bagi merapatkan jurang perbezaan pembangunan infra di antara negeri - negeri di Sabah & Sarawak serta Semenanjung. Projek Pan Borneo di negeri ini merupakan satu indikator bagi mencapai maksud tersebut untuk menyediakan jaringan lebuhraya yang efesyen dalam konteks mencapai pembangunan fizikal dan merancakkan perekonomian kawasan terlibat khususnya di negeri Sarawak. Terima kasih diucapkan atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa hadir ke majlis yang penuh bersejarah buat kita semua pada hari ini.

2. Lebuhraya Pan Borneo merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan sebahagian daripada Pelan Pembangunan Jaringan Lebuhraya (HNDP) 2010 Kementerian Kerja Raya.

3. Saya menyifatkan Projek Pan Borneo ini sebagai satu projek kejuruteraan terhebat di Kepulauan Borneo. Kerajaan Persekutuan telah

pun bersetuju tidak akan mengenakan kutipan tol bagi Lebuhraya Pan Borneo, sama ada di Sarawak mahupun di Sabah. Kerajaan baharu pakatan juga memegang prinsip yang sama, sesuai dengan aspirasi urang Sarawak yang mahukan jaringan perhubungan infra yang sama seperti di Semenanjung.

Saya sebagai anak jati Lun Bawang Sarawak, sangat faham erti keperluan melengkapkan jaringan konektiviti @ perhubungan di seluruh tanah ibu pertiwi tercinta ini demi kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Hari ini, mari kita raikan kejayaan anak bumi Kenyalang dalam membina jajaran Telok Melano - Sematan, ayuh kita ucapkan Syabas kepada kerjasama erat di antara Kerajaan Pusat & Kerajaan Negeri dalam membawa perubahan lanskap infra di negeri Sarawak.

Saya percaya kita semua sudah lama mengimpikan lebuhraya seumpama ini sebagaimana yang ada di Semenanjung. Sebagai anak pribumi Sarawak, saya secara peribadi turut sama berbangga dan teruja dengan penyiapan jajaran ini tepat mengikut jadualnya. Sungguhpun demikian masih banyak lagi tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam membangunkan negeri dan usaha ini akan terus kita lakukan bersama-sama. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

4. Seperti yang kita sedia maklum, jajaran Telok Melano – Sematan ini, dilaksanakan bagi menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada kepada empat lorong dua hala dari Sematan ke Miri dan dua lorong dua hala dari Telok Melano ke Sematan dengan spesifikasi JKR R5.

5. Projek ini terbahagi kepada dua Fasa iaitu:

- Fasa 1 sepanjang 786km dari Telok Melano ke Miri yang terbahagi kepada 11 pakej
- Fasa 2 yang masih dalam penelitian iaitu dari Miri ke Lawas dan tidak melalui Negara Brunei Darussalam

6. Projek ini telah bermula dengan Kick Off Project (KOP) pembinaan Jajaran Simpang Nyabau ke Simpang Bakun pada 30 Mac 2015.

7. Untuk Jajaran Telok Melano ke Sematan pula, projek pembinaan ini telah bermula pada 15 September 2015.

8. Bagi sepuluh (10) pakej yang lain, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah dimulakan pembinaannya secara berperingkat mulai tahun 2016.

STATUS DAN KEMAJUAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Tuan – tuan dan puan – puan yang saya hormati sekalian.

9. Pakej Telok Melano ke Sematan bagi Pakej Kerja Pertama kini telah pun disiapkan sepenuhnya mengikut jadual pada 4 Januari 2019 yang lalu.

10. Bagi pakej kerja Jajaran Telok Melano – Sematan ini, ia melibatkan pembinaan jalan sepanjang 33 km, pembinaan 6 jambatan, 5 persimpangan utama dan bulatan.

11. Untuk pengetahuan tuan – tuan dan puan – puan, kos keseluruhan bagi pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak adalah sebanyak RM16.49 billion. Bagi jajaran Telok Melano – Sematan, ia melibatkan kos anggaran sebanyak RM 580 juta.

12. Seperti yang kita sedia maklum, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bagi Jajaran Telok Melano – Sematan ini turut melibatkan laluan di kawasan hutan simpan dan pusat perlindungan hidupan liar seperti Tanjong Datu National Park dan Samunsam Wildlife Sactuary. Samunsam Wildlife Santuary merupakan kawasan pemeliharaan wildlife tertua di Sarawak. Ianya telah diwartakan sebagai pusat pemeliharaan bagi melindungi monyet, burung – burung dan juga tumbuh – tumbuhan.

13. Bagi mengurangkan impak pembinaan kepada alam sekitar, struktur jambatan rentangan panjang dibina sebagai laluan haiwan liar di Jambatan Samunsan.

14. Saya juga mahu memberi khabar gembira kepada tuan – tuan dan puan – puan semua bahawa baki 10 pakej kerja projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sedang giat dilaksanakan dari Sematan ke Miri. Kemajuan keseluruhan projek ini menjangkau 35%.

15. Untuk Keseluruhan projek Pan Borneo Sarawak, melibatkan pembinaan 115 jambatan, 25 persimpangan bertingkat, 3 kawasan Rehat dan Rawat (Rest and Service Area - RSA) dan 6 layby.

16. Saya sendiri bersama pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya, Kementerian Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) Sarawak serta Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak (JKRS) telah bersama – sama turun ke lapangan dalam jelajah FTRoadpedia Pan Borneo Sarawak pada 29 September 2018 hingga 1 Oktober 2018 untuk melihat sendiri kemajuan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini. Sepanjang perjalanan, saya mendapati kerja – kerja pembinaan giat dilaksanakan di sepanjang jajaran. Kontraktor – kontraktor yang bertanggungjawab dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo MESTI terus memberi perhatian tertinggi kepada aspek keselamatan pengguna – pengguna jalan raya. Pastikan papan – papan tanda keselamatan yang mencukupi diletakkan di lokasi – lokasi strategik. Aspek keselamatan lain juga perlu ditambahbaik sepanjang kerja - kerja pembinaan dilaksanakan.

17. Untuk pengetahuan tuan – tuan dan puan – puan, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2021. Mari kita sama-sama berdoa untuk kelancaran penyiapan jeraya kita ini.

FAEDAH DARIPADA PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Tuan – tuan dan puan – puan,

18. Menerusi projek Lebuhraya Pan Borneo ini, pelbagai faedah dan manfaat bakal diperoleh oleh kita semua. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak secara keseluruhannya mampu menghubungkan bandar-bandar utama di sepanjang Jalan persekutuan dan menjadi pemangkin kemajuan kepada bandar-bandar tersebut. Selain itu dengan adanya projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, ini juga mampu merangsang pembangunan ekonomi seperti pembinaan kawasan perumahan dan komersial yang baru dengan terbuka akses perhubungan darat yang efisien.

19. Seperti yang kita sedia maklum, projek pembinaan lebuhraya ini memerlukan sumber manusia dan tenaga buruh yang besar. Dengan adanya projek Pan Borneo Sarawak ini, ia membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Seramai 10,300 anak Sarawak terlibat dengan projek ini secara langsung dan tidak langsung. Lebih 83% yang terlibat adalah dari anak negeri dan ia melibatkan pelbagai pihak dalam pembinaan seperti kontraktor, perunding, pembekal dan juga vendor.

20. Untuk memcapai visi taraf negeri maju, akses perhubungan darat yang cekap adalah amat penting. Lebuhraya Pan Borneo dapat menghubungkan pusat-pusat perindustrian seperti pelabuhan, kilang, pusat-pusat komersial di sepanjang jajarannya. Malah, lebuhraya ini turut menjadi pemangkin kepada kemajuan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE).

21. Kewujudan jajaran Telok Melano - Sematan ini, tentunya memberi banyak manfaat sosio – ekonomi kepada penduduk tempatan. Selain itu, penduduk tempatan juga dapat menjimatkan kos dan masa perjalanan menggunakan bot. Pembinaan jajaran ini juga melibatkan pembinaan jalan baru di Tg Datu ke Sematan yang membolehkan peluang ekonomi diteroka di kawasan-kawasan berpotensi terutama dalam sektor eko – pelancongan di Telok Melano.

22. Lebuhraya Pan Borneo ini juga disediakan bukan sahaja untuk memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya malah untuk keselamatan pengguna – pengguna jalan raya ini. Dengan adanya laluan jajaran ini, secara tidak langsung projek ini menyediakan laluan perjalanan yang lebih pantas, selesa, selamat, sekali gus mengurangkan kadar kemalangan, menjimatkan masa dan kos pengangkutan antara bandar – bandar utama.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

23. Saya amat berharap agar pihak-pihak terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo ini mengekalkan dan meningkatkan prestasi sedia ada untuk menyiapkan projek Lebuhraya Pan Borneo ini mengikut tempoh, kos dan kualiti yang ditetapkan.

24. Saya juga ingin menyeru agar kontraktor dan vendor Bumiputera yang berkelayakan menyertai tender bagi kerja-kerja pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (Rest and Service Area - RSA), layby,

jejantas pejalan kaki, dan hentian bas yang sedang dan akan dilaksanakan pada tahun 2019.

25. Akhir kata, saya berharap kita semua pengguna jeraya di sepanjang jajaran Pan Borneo yang sedang dimoloh, supaya dapat bersabar, berhati - hati, patuhi papan tanda dan had kelajuan bagi menjamin keselamatan sepanjang tempoh pembinaan yang kurang selesa sekarang. Apabila siapnya Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini, ia pastinya memberi manfaat besar kepada kita semua. Ini jeraya kita!

Sekian, terima kasih. God Bless us all.